

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**  
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

<b>TAJUK : PERUNDING</b>		
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2019		MUKA SURAT : 1/24

BIL	PERKARA	MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK	RUJUKAN
1	PERUNDING	<p><b><u>DEFINISI PERKHIDMATAN PERUNDING</u></b></p> <p>Definisi perkhidmatan perunding dalam perolehan Kerajaan adalah perunding yang dilantik oleh sesebuah Agensi Kerajaan berdasarkan kepakaran dan pengalaman perunding tersebut bagi melaksanakan sesebuah <b>projek pembangunan fizikal/ kajian</b> Kerajaan dan turut memenuhi syarat-syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Perunding berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF) dengan nombor pendaftaran 465-XXXXXXX; dan</li> <li>b. Perunding berdaftar di bawah kod bidang 330000 atau 340000 atau kod bidang perkhidmatan perunding yang diluluskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa</li> </ul> <p>Perkhidmatan perunding terbahagi kepada dua (2) iaitu perkhidmatan perunding fizikal dan perunding bukan fizikal.</p> <p><b><u>DEFINISI PERUNDING FIZIKAL</u></b></p> <p>Perunding fizikal adalah melibatkan projek pembangunan fizikal seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Arkitek, kejuruteraan awam dan struktur, kejuruteraan mekanikal dan elektrikal, ukur bahan, perancang bandar dan desa, landskap, hiasan dalaman, akustik, alam sekitar dan lain-lain perkhidmatan teknikal yang berkaitan dengan kejuruteraan dan/ atau projek pembinaan antaranya menyediakan rekabentuk terperinci, penyediaan dokumen tender dan lain;</li> <li>b) Kerja-kerja ukur tanah dan kerja ukur khusus seperti <i>hydrography, aerial photogrammetry, remote sensing</i> dan lain-lain;</li> <li>c) Perkhidmatan penilaian fizikal seperti penilaian harta, audit &amp; assessment dan lain-lain; dan</li> </ul>	<p><b>PK 3.2</b>  <b>Manual</b>  <b>Perolehan</b>  <b>Perkhidmatan</b>  <b>Perundingan</b>  <b>2011 (Pindaan</b>  <b>Kedua)</b>  <b>Para 2.1.5</b></p> <p><b>PK 3.2</b>  <b>Para 2.2.1</b></p>

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA****PROSEDUR KERJA  
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

<b>TAJUK : PERUNDING</b>		
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER <small>2019</small>	MUKA SURAT : 2/24	

BIL	PERKARA	MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK	RUJUKAN
		<p>d) Kajian-kajian fizikal yang berkaitan dengan kerja-kerja kejuruteraan dan/ atau projek pembinaan, antaranya kajian kemungkinan/ kajian awalan kejuruteraan, kajian tebatan banjir/ cerun, kajian rancangan tempatan/ struktur, kajian <i>Environmental Impact Assessment (EIA)</i> dan lain-lain.</p> <p>Perunding fizikal boleh terdiri daripada firma perunding tempatan atau firma perunding asing.</p> <p><b><u>DEFINISI PERUNDING BUKAN FIZIKAL</u></b></p> <p>Perunding Bukan Fizikal adalah melibatkan kajian fizikal dan kajian bukan fizikal seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>a) Kajian kemungkinan, kajian ekonomi, kajian penswastaan dan kajian-kajian lain;</li><li>b) Kajian berkaitan pengurusan seperti pengurusan sumber manusia, kewangan dan perakaunan, percukaian, pengurusan kualiti, perundangan, kerja-kerja audit kewangan, kerja-kerja audit pengurusan, teknologi maklumat dan komunikasi serta bidang-bidang pengurusan lain; dan</li><li>c) Perkhidmatan perunding lain mengikut kategori yang diperlukan oleh Agensi dan ditentukan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa</li></ul> <p>Perunding Bukan Fizikal boleh terdiri daripada firma perunding tempatan, firma perunding asing, perunding individu tempatan atau perunding individu asing.</p> <p><b><u>DEFINISI PEGAWAI PENGAWAL</u></b></p> <p>Pegawai Pengawal adalah pegawai yang dilantik oleh Menteri Kewangan atau Menteri Besar atau Ketua Menteri di bawah seksyen 15A Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi setiap tujuan perbelanjaan yang diperuntukkan bagi mana-mana tahun kewangan dalam anggaran, bagi mengawal, tertakluk kepada sebarang arahan yang ditujukan oleh pihak penguatkuasa kewangan, perbelanjaan yang dikuatkuasakan di bawah</p>	<b>PK 3.2</b> <b>Para 2.2.2</b>

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA****PROSEDUR KERJA  
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

<b>TAJUK : PERUNDING</b>		
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2019	MUKA SURAT : 3/24	

BIL	PERKARA	MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK	RUJUKAN
		<p>tujuan itu, dan termasuk semua tanggungjawab Pegawai Perakaunan.</p> <p><b>DEFINISI JABATAN TEKNIK</b> Jabatan Teknik adalah merujuk kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) atau Jabatan Pengairan &amp; Saliran (JPS).</p> <p><b>DEFINISI KOS PERKHIDMATAN PERUNDING</b> Kos Perkhidmatan Perunding adalah kos yang terdiri daripada yuran perunding dan kos imbuhan balik. Walau bagaimanapun, jumlah kos perkhidmatan perunding yang diluluskan oleh PBM hendaklah termasuk komponen GST.</p> <p>1. Pastikan projek pembangunan fizikal telah dirujuk kepada Jabatan Teknik.</p> <p>1.1 Kementerian/ Jabatan hendaklah merujuk kepada pihak Jabatan Teknik terlebih dahulu sekiranya bercadang untuk melantik perunding bagi melaksanakan projek pembangunan fizikal dengan mengemukakan maklumat lengkap seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>a. Kedudukan status tapak projek</li><li>b. Ringkasan projek</li><li>c. Siling projek</li><li>d. Peruntukan tahunan; dan</li><li>e. Jadual pelaksanaan projek</li></ul> <p>1.2 Sekiranya Jabatan Teknik tidak mengemukakan maklum balas dalam tempoh 14 hari daripada tarikh surat Kementerian/ Jabatan diterima oleh Jabatan Teknik, maka Kementerian/ Jabatan boleh melantik perunding mengikut peraturan yang berkuatkuasa. Kementerian/ Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan surat yang dikemukakan, diterima di pejabat Jabatan Teknik dan disahkan oleh penerima.</p> <p>1.3 Sekiranya Jabatan Teknik tidak berkemampuan untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut, Jabatan Teknik hendaklah mengemukakan maklum balas kepada Kementerian/ Jabatan dalam tempoh 14 hari kalender daripada tarikh surat Kementerian/ Jabatan</p>	<p>PK3.2 Para 5.1</p> <p>AP182.1</p> <p>AP 186</p> <p>PK 3.1 Perolehan Perkhidmatan</p>

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA  
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

<b>TAJUK : PERUNDING</b>		
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2019		MUKA SURAT : 4/24

BIL	PERKARA	MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK	RUJUKAN
		<p>diterima di pejabat Jabatan Teknik. Kementerian/ Jabatan adalah bertanggungjawab memastikan surat tersebut disahkan penerimaan oleh Jabatan Teknik sebagai bukti.</p> <p>1.4 Sekiranya Kementerian/ Jabatan berhasrat untuk melaksanakan sendiri mana-mana projek pembangunan fizikal tanpa mengira had nilai, Agensi hendaklah terlebih dahulu mengemukakan permohonan pelepasan daripada Jabatan Teknik. Kerja yang tidak perlu dirujuk kepada Jabatan Teknik adalah melibatkan kerja ukur dan kerja pembaikan yang tidak melibatkan perubahan struktur.</p> <p>1.5 Sekiranya Kementerian/ Jabatan tidak berkemampuan melaksanakan sendiri projek tersebut dan bercadang untuk mendapatkan perkhidmatan perunding, Agensi hendaklah mendapatkan kelulusan prinsip daripada Jawatankuasa Perancangan Pembangunan (JPPN) yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri KSN bagi membenarkan perolehan perunding dibuat bagi projek berkenaan. Kelulusan prinsip daripada JPPN bagi projek pembangunan fizikal adalah hanya projek berskala besar (mega projects) iaitu kos projek melebihi RM500 juta. Kos projek bernilai RM500 juta dan ke bawah tidak perlu dirujuk ke JPPN.</p> <p>2. Pastikan kebenaran pegawai pengawal diperoleh untuk menggunakan perkhidmatan perunding.</p> <p>2.1 Projek Pembangunan Fizikal</p> <p>Bagi projek melebihi RM500 juta, Kementerian/Jabatan hendaklah mendapatkan kebenaran rasmi dari Pegawai Pengawal sebelum permohonan diangkat untuk kelulusan JPPN. Manakala bagi projek kurang dari RM500 juta, memadai kelulusan Pegawai Pengawal.</p>	<b>Perunding Para 3</b>  <b>PK 3.1</b> <b>Perolehan</b> <b>Perkhidmatan</b> <b>Perunding</b> <b>Para 3</b>

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA****PROSEDUR KERJA  
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

<b>TAJUK : PERUNDING</b>	
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER <small>2019</small>	MUKA SURAT : 5/24

BIL	PERKARA	MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK	RUJUKAN
		<p>2.2 Kajian Fizikal</p> <p>Kementerian/ Jabatan hendaklah memastikan sebelum sesuatu perolehan perunding diteruskan, kebenaran rasmi daripada Pegawai Pengawal hendaklah diperolehi terlebih dahulu.</p> <p>2.3 Kajian Bukan Fizikal</p> <p>2.3.1 Kementerian/ Jabatan hendaklah memastikan sebelum sesuatu perolehan perunding diteruskan, kebenaran rasmi daripada Pegawai Pengawal hendaklah diperolehi terlebih dahulu.</p> <p>2.3.2 Hasil kajian bukan fizikal (berkaitan dengan Para 1.5) yang menggunakan perkhidmatan perunding hendaklah dibentangkan di dalam mesyuarat JPPN.</p> <p>3. Pastikan Kod Bidang Perkhidmatan Perunding</p> <p>3.1 Pastikan perunding yang dipilih/ dilantik hanya dibenarkan untuk memberi perkhidmatan berdasarkan kod-kod bidang yang telah didaftarkan sahaja sebagaimana yang dinyatakan di dalam sijil pendaftaran Kementerian Kewangan masing-masing.</p> <p>3.2 Pendaftaran perunding masih sah bagi profesion yang etika perkhidmatannya dikawal oleh Lembaga Profesional masing-masing atau badan kawalan yang diiktiraf.</p> <p>4. Pastikan kaedah perolehan perkhidmatan perunding yang dilakukan oleh Kementerian/ Jabatan adalah betul mengikut kos seperti di jadual berikut:</p>	<b>Senarai Kod Bidang (PK3.2, Para 2.3.1)</b>

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**  
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

<b>TAJUK : PERUNDING</b>	
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2019	MUKA SURAT : 6/24

BIL	PERKARA	MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK	RUJUKAN								
		<table border="1"> <thead> <tr> <th>KAEDAH PEROLEHAN</th><th>HAD NILAI</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Lantikan Terus Beserta Kos Siling</td><td> <ol style="list-style-type: none"> <li>Kos Projek Pembangunan Fizikal sehingga RM50 juta</li> <li>Kos Kajian sehingga RM 500 ribu</li> <li>Kos Kerja Ukur sehingga RM 500 ribu</li> </ol> </td></tr> <tr> <td>Tender Terhad</td><td> <ol style="list-style-type: none"> <li>Kos Projek Pembangunan Fizikal sehingga RM100 juta</li> <li>Kos Kajian sehingga RM 2 juta</li> <li>Kos Kerja Ukur melebihi RM 500</li> </ol> </td></tr> <tr> <td>Tender Terbuka (Tanpa Pra Kelayakan/ Pra Kelayakan)</td><td> <ol style="list-style-type: none"> <li>Kos Projek Pembangunan Fizikal melebihi RM100 Juta</li> <li>Kos Kajian Fizikal/Bukan Fizikal melebihi RM 2 juta</li> </ol> </td></tr> </tbody> </table> <p><b>LANTIKAN TERUS BESERTA KOS SILING</b>  Kementerian/ Jabatan memperakukan satu nama perunding dan kos siling perkhidmatan perunding untuk kelulusan Pihak Berkuasa Melulus (PBM). Perunding yang telah diluluskan oleh PBM akan mengemukakan cadangan teknikal dan kos untuk dipersetujui oleh Agensi sebelum pelantikan rasmi dibuat.</p> <p><b>TENDER TERHAD</b>  Kementerian/ Jabatan memperakukan sekurang-kurangnya tiga hingga maksima sepuluh firma perunding untuk kelulusan senarai pendek oleh Jawatankuasa Penilaian Perunding. Perunding-perunding tersebut akan dipelawa untuk mengemukakan cadangan teknikal dan cadangan kos. Perunding yang lulus penilaian teknikal dan penilaian kos dengan cadangan keseluruhan yang terbaik akan diperakukan untuk kelulusan PBM sebelum pelantikan rasmi dibuat.</p>	KAEDAH PEROLEHAN	HAD NILAI	Lantikan Terus Beserta Kos Siling	<ol style="list-style-type: none"> <li>Kos Projek Pembangunan Fizikal sehingga RM50 juta</li> <li>Kos Kajian sehingga RM 500 ribu</li> <li>Kos Kerja Ukur sehingga RM 500 ribu</li> </ol>	Tender Terhad	<ol style="list-style-type: none"> <li>Kos Projek Pembangunan Fizikal sehingga RM100 juta</li> <li>Kos Kajian sehingga RM 2 juta</li> <li>Kos Kerja Ukur melebihi RM 500</li> </ol>	Tender Terbuka (Tanpa Pra Kelayakan/ Pra Kelayakan)	<ol style="list-style-type: none"> <li>Kos Projek Pembangunan Fizikal melebihi RM100 Juta</li> <li>Kos Kajian Fizikal/Bukan Fizikal melebihi RM 2 juta</li> </ol>	PK 3.1 Para 5
KAEDAH PEROLEHAN	HAD NILAI										
Lantikan Terus Beserta Kos Siling	<ol style="list-style-type: none"> <li>Kos Projek Pembangunan Fizikal sehingga RM50 juta</li> <li>Kos Kajian sehingga RM 500 ribu</li> <li>Kos Kerja Ukur sehingga RM 500 ribu</li> </ol>										
Tender Terhad	<ol style="list-style-type: none"> <li>Kos Projek Pembangunan Fizikal sehingga RM100 juta</li> <li>Kos Kajian sehingga RM 2 juta</li> <li>Kos Kerja Ukur melebihi RM 500</li> </ol>										
Tender Terbuka (Tanpa Pra Kelayakan/ Pra Kelayakan)	<ol style="list-style-type: none"> <li>Kos Projek Pembangunan Fizikal melebihi RM100 Juta</li> <li>Kos Kajian Fizikal/Bukan Fizikal melebihi RM 2 juta</li> </ol>										

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**  
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

<b>TAJUK : PERUNDING</b>	
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2019	MUKA SURAT : 7/24

BIL	PERKARA	MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK	RUJUKAN
		<p><b><u>TENDER TERBUKA (TANPA PRA-KELAYAKAN/PRA-KELAYAKAN)</u></b></p> <p>Kementerian/ Jabatan mengiklankan pelawaan melalui akhbar harian utama tempatan, laman web Agensi dan portal MyProcurement kepada perunding yang layak dan berminat, untuk mengemukakan cadangan teknikal dan cadangan kos. Perunding yang lulus penilaian teknikal dan penilaian kos dengan cadangan keseluruhan yang terbaik akan diperakuan untuk kelulusan PBM sebelum pelantikan rasmi dibuat.</p> <p>5. Pastikan Terma Rujukan (TOR), anggaran kos perkhidmatan perunding, cadangan teknikal dan cadangan kos, senarai pendek perunding telah dipertimbang dan diperaku oleh Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP).</p> <p>5.1 Keahlian JPP bagi <b>Projek Pembangunan Fizikal/Kajian Fizikal</b> adalah seperti berikut:</p> <p>5.1.1 Ketua Agensi Pelaksana/ Wakil (Pengerusi)</p> <p>5.1.2 Sekurang-kurangnya 3 ahli merangkumi ketiga-tiga kategori berikut:</p> <p>5.1.2.1 Seorang pegawai dalam Kumpulan Skim Perkhidmatan 'J' daripada Jabatan Teknik/ Bukan Teknik/ Unit Teknikal Agensi</p> <p>5.1.2.2 Seorang pegawai yang berkelayakan daripada Agensi Pelaksana/ Agensi lain; dan</p> <p>5.1.2.3 Seorang pegawai daripada Bahagian yang menguruskan perolehan perkhidmatan perunding</p> <p>5.1.3 Ahli hendaklah terdiri daripada pegawai yang berkelayakan akademik sekurang-</p>	<b>PK 3.2</b> <b>Para 4.1</b>

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**  
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

<b>TAJUK : PERUNDING</b>	
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2019	MUKA SURAT : 8/24

BIL	PERKARA	MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK	RUJUKAN
		<p>kurangnya diploma dan ke atas</p> <p>5.1.4 Korum mesyuarat hendaklah terdiri daripada <u>4 atau lebih pegawai</u> seperti berikut:</p> <p>5.1.4.1 Pengerusi; dan</p> <p>5.1.4.2 Sekurang-kurangnya seorang ahli daripada setiap kategori yang dinyatakan di para 5.1.2 di atas</p> <p>5.2 Keahlian JPP bagi <b>Kajian Bukan Fizikal</b> adalah seperti berikut:</p> <p>5.2.1 Ketua/ Wakil Ketua Agensi Pelaksana (Pengerusi)</p> <p>5.2.2 Sekurang-kurangnya 2 ahli merangkumi kedua-dua kategori berikut:</p> <p>5.2.2.1 Seorang atau lebih pegawai yang berkelayakan daripada Agensi Pelaksana/ Agensi lain; dan</p> <p>5.2.2.2 Seorang atau lebih pegawai Agensi daripada Bahagian yang menguruskan perolehan perkhidmatan perunding Kerajaan</p> <p>5.2.3 Ahli hendaklah terdiri daripada pegawai yang berkelayakan akademik sekurang-kurangnya diploma dan ke atas</p> <p>5.2.4 Korum mesyuarat hendaklah terdiri daripada <u>3 atau lebih pegawai</u> seperti berikut:</p> <p>5.2.4.1 Pengerusi;</p> <p>5.2.4.2 Sekurang-kurangnya seorang ahli daripada setiap kategori yang dinyatakan di para 5.2.2 di atas</p>	

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA****PROSEDUR KERJA  
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

<b>TAJUK : PERUNDING</b>		
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER <small>2019</small>		MUKA SURAT : 9/24

BIL	PERKARA	MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK	RUJUKAN
		<p>5.2.4.3 Bagi kajian/ pembangunan ICT, korum mesyuarat adalah 4 atau lebih kerana kehadiran wakil MAMPU dalam Skim Perkhidmatan 'F' sebagai salah seorang ahli JPP adalah mandatori.</p> <p>5.3 Syarat perlantikan ahli sektor swasta untuk menganggotai JPP (sekiranya terdapat keperluan dari segi kepakaran teknikal dan pengalaman yang tidak terdapat dari kalangan pegawai Kerajaan):</p> <p>5.3.1 Agensi mengeluarkan surat pelantikan secara rasmi kepada pegawai tersebut sama ada berperanan sebagai ahli tetap/ganti dan pegawai tersebut hendaklah menyatakan persetujuannya untuk menganggotai jawatankuasa tersebut;</p> <p>5.3.2 Pegawai swasta tersebut boleh diberi kemudahan elaun mesyuarat dan imbuhan balik di mana kadar elaun mesyuarat dan imbuhan balik tersebut ditentukan oleh Pegawai Pengawal masing-masing mengikut kepakaran dan kelayakan akademik pegawai swasta tersebut tertakluk Agensi mempunyai peruntukan sedia ada yang mencukupi</p> <p>5.3.3 Firma yang diwakili oleh pegawai swasta tersebut tidak dibenarkan mengambil bahagian atau terlibat di dalam perolehan perunding bagi projek pembangunan fizikal atau kajian yang dibincangkan di dalam JPP tersebut untuk mengelakkan <i>conflict of interest</i></p> <p>5.4 Cadangan keahlian JPP hendaklah mendapat kelulusan bertulis daripada Pegawai Pengawal/ Pegawai Yang Diturunkan Kuasa/ Ketua Agensi.</p>	

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA****PROSEDUR KERJA  
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

<b>TAJUK : PERUNDING</b>		
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER <small>2019</small>	MUKA SURAT : 10/24	

BIL	PERKARA	MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK	RUJUKAN
		<p>5.5 Penubuhan JPP boleh dilaksanakan sama ada secara tetap ataupun secara adhoc.</p> <p>6. Pastikan permohonan perolehan perkhidmatan perunding diluluskan oleh PBM mengikut had nilai kuasa yang ditetapkan.</p> <p>6.1 Terdapat empat (4) PBM iaitu:</p> <p>6.1.1 Jawatankuasa Sebut Harga Agensi (JKSH); Semua Jawatankuasa Sebut Harga Agensi boleh meluluskan perolehan perunding tidak melebihi had nilai kuasa yang ditetapkan di Para 6.3 di bawah tertakluk mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pegawai Pengawal</p> <p>6.1.2 Lembaga Perolehan 'B' Agensi (LP 'B')</p> <p>6.1.3 Lembaga Perolehan 'A' Agensi (LP 'A'); dan</p> <p>6.1.4 Kementerian Kewangan (MOF)</p> <p>6.2 Keanggotaan PBM</p> <p>6.2.1 Keanggotaan JKSH di Peringkat Ibu Pejabat/ Peringkat Negeri hendaklah turut terdiri daripada seorang wakil Kumpulan Pengurusan &amp; Profesional (Skim Perkhidmatan 'J') daripada Jabatan Teknik (JKR/ JPS) sekiranya melibatkan perolehan perkhidmatan perunding bagi projek pembangunan fizikal; dan</p> <p>6.2.2 Keanggotaan PBM yang lain adalah sepertimana yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan melalui peraturan yang berkuatkuasa.</p>	<b>PK 3.2</b> <b>Para 3.1</b>

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**  
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

<b>TAJUK : PERUNDING</b>		
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2019	MUKA SURAT : 11/24	

BIL	PERKARA	MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK	RUJUKAN										
		<p>6.3 Sekiranya keputusan PBM adalah tidak sebulat suara, keputusan hendaklah dimuktamadkan oleh satu peringkat PBM yang lebih tinggi. PBM di peringkat yang lebih rendah tidak boleh mempertimbang dan menyetujuterima permohonan perolehan perkhidmatan perunding melebihi had nilai masing-masing yang telah ditetapkan. Manakala PBM di peringkat yang lebih tinggi hanya boleh mempertimbang dan menyetujuterima permohonan perolehan perkhidmatan perunding sehingga had nilai yang ditetapkan.</p> <p>6.4 Had Nilai Kuasa Melulus perkhidmatan perunding adalah seperti berikut:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="background-color: #cccccc; text-align: center; padding: 5px;">PBM</th> <th style="background-color: #cccccc; text-align: center; padding: 5px;">HAD NILAI KUASA MELULUS PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="padding: 5px;">Jawatankuasa Sebut Harga Agensi</td> <td style="padding: 5px;">           1. Kos Projek Pembangunan Fizikal sehingga RM5 juta            2. Kos Kajian sehingga RM500 ribu            3. Kos Kerja Ukur sehingga RM500 ribu         </td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Lembaga Perolehan 'B' Agensi</td> <td style="padding: 5px;">           1. Kos Projek Pembangunan Fizikal sehingga RM 20 juta            2. Kos Kajian sehingga RM 2 juta            3. Kos Kerja Ukur sehingga RM 2 juta         </td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Lembaga Perolehan 'A' Agensi</td> <td style="padding: 5px;">           1. Kos Projek Pembangunan Fizikal sehingga RM300 juta            2. Kos Kajian sehingga RM 5 juta            3. Kos Kerja Ukur sehingga RM 5 juta         </td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Kementerian Kewangan</td> <td style="padding: 5px;">           1. Kos Projek Pembangunan Fizikal melebihi RM300 juta            2. Kos Kajian melebihi RM 5 juta            3. Kos Kerja Ukur melebihi RM 5 juta         </td> </tr> </tbody> </table>	PBM	HAD NILAI KUASA MELULUS PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING	Jawatankuasa Sebut Harga Agensi	1. Kos Projek Pembangunan Fizikal sehingga RM5 juta 2. Kos Kajian sehingga RM500 ribu 3. Kos Kerja Ukur sehingga RM500 ribu	Lembaga Perolehan 'B' Agensi	1. Kos Projek Pembangunan Fizikal sehingga RM 20 juta 2. Kos Kajian sehingga RM 2 juta 3. Kos Kerja Ukur sehingga RM 2 juta	Lembaga Perolehan 'A' Agensi	1. Kos Projek Pembangunan Fizikal sehingga RM300 juta 2. Kos Kajian sehingga RM 5 juta 3. Kos Kerja Ukur sehingga RM 5 juta	Kementerian Kewangan	1. Kos Projek Pembangunan Fizikal melebihi RM300 juta 2. Kos Kajian melebihi RM 5 juta 3. Kos Kerja Ukur melebihi RM 5 juta	<p><b>LAMPIRAN 3A</b>  <b>PK3.2</b>  <b>(Ringkasan Perolehan Perkhidmatan Perunding Mengikut PBM, Kategori Projek/Kajian, dan Had Nilai Kuasa)</b></p>
PBM	HAD NILAI KUASA MELULUS PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING												
Jawatankuasa Sebut Harga Agensi	1. Kos Projek Pembangunan Fizikal sehingga RM5 juta 2. Kos Kajian sehingga RM500 ribu 3. Kos Kerja Ukur sehingga RM500 ribu												
Lembaga Perolehan 'B' Agensi	1. Kos Projek Pembangunan Fizikal sehingga RM 20 juta 2. Kos Kajian sehingga RM 2 juta 3. Kos Kerja Ukur sehingga RM 2 juta												
Lembaga Perolehan 'A' Agensi	1. Kos Projek Pembangunan Fizikal sehingga RM300 juta 2. Kos Kajian sehingga RM 5 juta 3. Kos Kerja Ukur sehingga RM 5 juta												
Kementerian Kewangan	1. Kos Projek Pembangunan Fizikal melebihi RM300 juta 2. Kos Kajian melebihi RM 5 juta 3. Kos Kerja Ukur melebihi RM 5 juta												

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**  
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

<b>TAJUK : PERUNDING</b>		
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2019		MUKA SURAT : 12/24

BIL	PERKARA	MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK	RUJUKAN
		<p>6.5 Kuasa melulus tambahan kos perkhidmatan perunding hanya diberikan kepada Lembaga Perolehan ‘A’ Agensi tertakluk kepada syarat-syarat berikut:</p> <p>6.5.1 Tambahan kos perkhidmatan perunding sehingga maksimum 100% yang disebabkan oleh perubahan skop asal atau perubahan kos projek/kajian. Sekiranya tambahan kos melebihi 100%, kelulusan hendaklah diperolehi daripada Kementerian Kewangan</p> <p>6.5.2 Tambahan kos perkhidmatan perunding tanpa had nilai disebabkan <i>Variation Order</i> (VO) dan <i>Extension Of Time</i> (EOT) dalam kontrak dengan pihak kontraktor.</p> <p>7. Pastikan syarat perlantikan <i>Lead Consultant</i> bagi projek pembangunan fizikal (jika ada) dipatuhi.</p> <p>7.1 Agensi adalah dibenar melantik <i>Lead Consultant</i> bagi projek pembangunan fizikal di mana Agensi hanya perlu melantik satu firma perunding dari satu bidang sebagai <i>Lead Consultant</i> dan <i>Lead Consultant</i> pula melantik firma perunding dari bidang-bidang lain sebagai <i>Associated Consultants</i> bagi melaksanakan projek.</p> <p>7.2 Syarat perlantikan:</p> <p>7.2.1 <b>Kos projek</b> pembangunan fizikal sehingga RM10 Juta;</p> <p>7.2.2 Agensi menandatangani perjanjian dengan <i>Lead Consultant</i>;</p> <p>7.2.3 <i>Associated Consultants</i> yang dipilih oleh <i>Lead Consultant</i> hendaklah berdaftar dengan MOF dan hendaklah dipersetujui oleh Agensi terlebih dahulu;</p>	<b>PK 3.1</b> <b>Para 9</b>

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**  
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

<b>TAJUK : PERUNDING</b>		
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2019		MUKA SURAT : 13/24

BIL	PERKARA	MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK	RUJUKAN
		<p>7.2.4 Bayaran kos perkhidmatan perunding hendaklah mematuhi peraturan di Bab 5 dan bayaran bagi <i>Associated Consultants</i> hendaklah dibuat melalui <i>Lead Consultant</i>;</p> <p>7.2.5 <i>Lead Consultant</i> hendaklah menandatangani perjanjian dengan semua <i>Associated Consultants</i> dan salinan perjanjian dikemukakan ke Agensi sebagai rekod;</p> <p>7.2.6 <i>Lead Consultant</i> bertanggungjawab sepenuhnya terhadap skop perkhidmatan perunding yang lain di bawahnya meliputi tindakan kecuaian, salah laku dan sebagainya oleh kakitangan <i>Associated Consultants</i>; dan</p> <p>7.2.7 Kelulusan pelantikan perunding hendaklah dibawa untuk pertimbangan PBM mengikut had kuasa melulus seperti di para 6.4</p> <p>8. Pastikan kos perkhidmatan perunding yang dituntut adalah betul dan tepat. Penetapan yuran perkhidmatan perunding secara <i>lump sum basis</i> adalah <b>tidak dibenarkan</b>.</p> <p>8.1 Kos perkhidmatan perunding adalah kos yang terdiri daripada yuran perunding dan kos imbuhan balik.</p> <p>8.2 Terdapat 2 kaedah bagi menentukan yuran perunding iaitu:</p> <p>8.2.1 Skala Yuran Piawai (<i>Scale of Fees – SOF</i>)</p> <p>a) Kadar bayaran perkhidmatan perunding yang telah ditetapkan oleh Lembaga-lembaga Profesional dan telah dipersetujui oleh Kementerian Kewangan.</p>	<b>PK 3.2</b> <b>Para 5.2</b>

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA****PROSEDUR KERJA  
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

<b>TAJUK : PERUNDING</b>		
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER <small>2019</small>		MUKA SURAT : 14/24

BIL	PERKARA	MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK	RUJUKAN
		<p>b) SOF digunakan hanya bagi skop <i>Basic Services</i> untuk Arkitek, Kejuruteraan, Ukur Bahan dan Ukur Tanah</p> <p>8.2.2 Kaedah Input Masa (<i>Man-Month</i>)</p> <p>a) Berdasarkan <i>time basis</i> iaitu tempoh masa yang diperlukan bagi menyiapkan sesuatu projek/ kajian Kerajaan. Tempoh ini hendaklah dinyatakan di dalam bentuk <i>man-month</i> (projek melebihi sebulan) / <i>man-day</i> (projek tidak melebihi sebulan)/ <i>man-hour</i> (tidak melebihi seminggu) mengikut kesesuaian dari segi tempoh menyempurnakan projek/ kajian.</p> <p>b) Digunakan bagi keadaan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Projek pembangunan fizikal yang mana bidang perkhidmatan tersebut tidak mempunyai SOF yang diiktiraf MOF</li><li>• Skop <i>Additional Services</i> dan <i>Special Services</i> untuk Arkitek, Kejuruteraan dan Ukur Bahan</li><li>• Semua kajian</li><li>• Projek/ Kajian yang melibatkan perunding asing</li><li>• Projek/ Kajian yang dibiayai melalui pinjaman atau geran dari institusi kewangan antarabangsa/ Kerajaan Asing.</li></ul>	

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**  
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

<b>TAJUK : PERUNDING</b>	
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2019	MUKA SURAT : 15/24

BIL	PERKARA	MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK	RUJUKAN
		<p>c) Pengiraan yuran perunding mengikut kaedah input masa adalah dengan menggunakan formula berikut:</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; text-align: center;"> <math display="block">YP = GP \times FP \times IM</math> </div> <p style="text-align: center;"><b>YP</b> = Yuran Perunding</p> <p style="text-align: center;"><b>GP</b> = Gaji Pokok</p> <p style="text-align: center;"><b>FP</b> = Faktor Pengganda</p> <p style="text-align: center;"><b>IM</b> = Input Masa</p> <p><b><u>GAJI POKOK (GP)</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Gaji asas bulanan yang dibayar kepada setiap kakitangan ikhtisas dan separa ikhtisas perunding tidak termasuk apa-apa elaun serta lain-lain bayaran kepada kakitangan perunding.</li> <li>• GP bagi kakitangan tetap firma adalah berdasarkan slip penyata gaji semasa kakitangan tersebut</li> <li>• GP bagi kakitangan sementara firma tidak melebihi skala gaji maksimum yang telah diluluskan oleh MOF (bagi projek fizikal/ kajian yang mana tarikh iklan tender perunding/ tarikh surat pelawaan selepas 1 Januari 2015)</li> <li>• GP bagi kakitangan sementara yang diambil di kalangan tenaga pengajar IPTA adalah berdasarkan slip gaji sebenar</li> <li>• GP bagi pegawai kerajaan yang telah bersara adalah berdasarkan pengesahan/ penyata/ slip gaji terakhir.</li> <li>• <i>Remuneration</i> bagi Lembaga Pengarah/ Rakan Kongsi adalah berdasarkan skala gaji maksimum yang telah diluluskan MOF</li> <li>• Kenaikan GP dibenarkan hanya bagi perkhidmatan perunding yang melebihi 12 <i>man-month</i> dan seterusnya mengikut kadar berikut:</li> </ul>	<b>LAMPIRAN 5B dan 5C PK3.2 (Skala Gaji Kakitangan Sementara)</b>

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**  
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

<b>TAJUK : PERUNDING</b>	
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2019	MUKA SURAT : 16/24

BIL	PERKARA	MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK	RUJUKAN
		<p>a. Kakitangan ikhtisas – 5% daripada GP asal yang telah diluluskan atau RM300, mana yang lebih rendah</p> <p>b. Kakitangan Separa Ikhtisas/ Sokongan Teknikal – 8% daripada GP asal yang telah diluluskan atau RM150, yang mana lebih rendah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kenaikan GP tidak diperuntukkan untuk Lembaga Pengarah/ Rakan Kongsi dan Perunding Asing</li> </ul> <p><b><u>FAKTOR PENGGANDA (FP)</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• FP adalah terdiri daripada komponen-komponen seperti dinyatakan di Lampiran 5E – 5H.</li> <li>• Kementerian/ Jabatan hendaklah memastikan FP yang digunakan oleh perunding tidak melebihi pekali yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan seperti di Lampiran 5D.</li> </ul> <p><b><u>INPUT MASA (IM)</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• IM adalah tempoh/ jangka masa yang diperlukan bagi menyempurnakan sesuatu projek atau kajian.</li> </ul> <p>9. Semak pengiraan Kos Imbuhan Balik (IB) yang dituntut.</p> <p>9.1 Kos Imbuhan Balik (IB) adalah lain-lain perbelanjaan yang di buat oleh perunding mengikut keperluan sesuatu projek/ kajian. Kos IB adalah merupakan perbelanjaan sebenar yang dibuat oleh perunding</p> <p>9.2 Pastikan butiran serta kadar bayaran kos IB hendaklah berpatutan dan tuntutan hendaklah dikemukakan dengan resit/ bil (Bayaran tanpa resit selain daripada kos IB secara pukal <i>lump sum</i> hendaklah mendapat kebenaran dan pengesahan Agensi.</p>	<p><b>Lampiran 5A</b>  <b>PK3.2 (Skala Gaji Lembaga Pengarah/ Rakan Kongsi)</b></p> <p><b>PK3.2 (Komponen FP bagi Kakitangan Ikhtisas Firma dan Kakitangan Separa Ikhtisas/ Sokongan Teknikal Firma)</b></p> <p><b>PK 3.2 Para 5.3</b></p>

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA****PROSEDUR KERJA  
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

<b>TAJUK : PERUNDING</b>		
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER <small>2019</small>		MUKA SURAT : 17/24

BIL	PERKARA	MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK	RUJUKAN
		<p>9.3 Pastikan dokumen yang perlu disediakan oleh perunding yang akan dibayar balik oleh Kerajaan dinyatakan dengan jelas di dalam Terma Rujukan (TOR). Bagi salinan dokumen yang telah dibuat dan diberikan kepada pihak lain tanpa arahan Agensi, tuntutan tersebut tidak akan dibayar oleh Kerajaan.</p> <p>9.4 Sekiranya butiran IB tidak termasuk di dalam item yang dibenarkan oleh Kementerian Kewangan tetapi merupakan perbelanjaan yang diperlukan oleh perunding, kelulusan Kementerian Kewangan perlu dikemukakan.</p> <p>9.5 Pastikan tuntutan kos IB oleh perunding tidak termasuk kos pengendalian latihan kakitangan firma. Pastikan hanya kos IB yang dibenarkan sahaja yang dituntut.</p> <p>9.6 Pastikan perunding mengambilkira kos pengendalian latihan <i>Transfer of Technology/Knowledge</i> di dalam cadangan kos perunding. Kos penginapan/lojing, perjalanan dan makan/ minum kakitangan Agensi hendaklah tidak termasuk di dalam kos perkhidmatan perunding. Agensi bertanggungjawab memastikan pembiayaan tersebut dibuat melalui vot jabatan.</p> <p>10. Selaras dengan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [Akta 762] yang berkuat kuasa mulai 1 April 2015, semua perunding yang ditawarkan perolehan bernilai melebihi RM500 ribu dalam tempoh 12 bulan hendaklah berdaftar dengan Jabatan Kastam Di Raja Malaysia (JKDM). Pastikan semakan ke atas bayaran cukai yang dituntut oleh perunding dibuat.</p> <p>10.1 Agensi juga perlu memastikan perunding mengambilkira semua unsur cukai semasa mengemukakan Cadangan Kos bagi sesuatu projek/ kajian yang akan dilaksanakan.</p>	<b>PK 3.2</b> <b>Para 1.5</b>

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**  
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

<b>TAJUK : PERUNDING</b>	
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2019	MUKA SURAT : 18/24

BIL	PERKARA	MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK	RUJUKAN
		<p>10.2 Bagi perkhidmatan yang menggunakan/melibatkan guna tenaga asing, cukai yang dikenakan ialah Cukai Pegangan (<i>Withholding Tax</i>) berdasarkan Akta Cukai Pendapatan 1967. Kadar cukai pegangan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang diluluskan Kerajaan</p> <p>11. Pastikan Perjanjian Perkhidmatan Perunding mengikut format <i>Consultancy Service Agreement (CSA)</i>, Surat Akuan Perunding dan Surat Setuju Terima yang telah ditandatangani disertakan.</p> <p><b>TAKRIF : PERJANJIAN</b></p> <p>Perjanjian merupakan satu ikatan rasmi diantara Kerajaan dengan firma dan mengandungi obligasi/persetujuan yang perlu dipatuhi dan dilaksanakan sepanjang tempoh perjanjian tersebut.</p> <p>11.1 Semak tarikh perjanjian perkhidmatan perunding ditandatangani.</p> <p>11.2 Sebaik sahaja Surat Setuju Terima dikeluarkan kepada perunding, Agensi hendaklah menandatangani perjanjian perunding dengan <b>secepat mungkin iaitu sebelum tarikh bayaran yang ditetapkan oleh Agensi bagi peringkat kemajuan kerja yang pertama dibuat kepada perunding</b>.</p> <p>11.3 Perjanjian hendaklah disediakan oleh Agensi Pelaksana dan perjanjian tersebut hendaklah ditandatangani oleh Pegawai yang diberi kuasa di bawah Seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Semakan 1973).</p> <p>11.4 Perjanjian hendaklah dibuat secara berasingan mengikut bidang perkhidmatan perunding. Sekiranya 2 atau lebih firma dalam bidang perkhidmatan yang sama bergabung bagi melaksanakan sesuatu projek Kerajaan, hanya</p>	<p><b>PK 3.2</b> <b>Para 1.6</b></p> <p><b>PK 3.3</b> <b>Pentadbiran Kontrak dan Format Perjanjian Piawai Perunding</b></p>

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**  
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

**TAJUK : PERUNDING**

TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER  
 2019

MUKA SURAT : 19/24

BIL	PERKARA	MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK	RUJUKAN																		
		<p>1 perjanjian sahaja perlu disediakan dan ditandatangani oleh kesemua pihak yang terlibat.</p> <p>11.5 Sekiranya perjanjian belum ditandatangani, pembayaran kepada firma perunding tidak boleh dilakukan.</p> <p>12. Pastikan bayaran adalah mengikut jadual pembayaran/ mengikut peringkat kemajuan.</p> <p>12.1 Bagi projek pembangunan fizikal, bayaran kos perkhidmatan adalah mengikut jadual pembayaran berdasarkan kemajuan kerja seperti yang telah ditetapkan di dalam perjanjian yang berkaitan.</p> <p>12.2 Bagi kajian, bayaran kos perkhidmatan perunding adalah mengikut peringkat kemajuan kajian tertakluk laporan yang dikemukakan oleh perunding disetujuterima oleh Agensi. Peratus pembayaran mengikut peringkat kemajuan kajian berikut boleh digunakan sebagai panduan:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center; padding: 5px;">Bil</th> <th style="text-align: center; padding: 5px;">Peringkat Kemajuan Kajian</th> <th style="text-align: center; padding: 5px;">Peratus Pembayaran Dibenarkan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center; padding: 5px;">1</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">Laporan Awal/<i>Inception</i></td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">10%</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center; padding: 5px;">2</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">Laporan Kemajuan/Interim</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">40%</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center; padding: 5px;">3</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">Draf Laporan Akhir</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">20%</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center; padding: 5px;">4</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">Laporan Akhir</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">30%</td> </tr> <tr> <td align="center" colspan="2" style="padding: 5px;"><b>JUMLAH</b></td><td style="text-align: center; padding: 5px;"><b>100%</b></td></tr> </tbody> </table> <p>13. Pastikan perakuan bayaran disediakan dan ditandatangan oleh pegawai yang diberi kuasa.</p>	Bil	Peringkat Kemajuan Kajian	Peratus Pembayaran Dibenarkan	1	Laporan Awal/ <i>Inception</i>	10%	2	Laporan Kemajuan/Interim	40%	3	Draf Laporan Akhir	20%	4	Laporan Akhir	30%	<b>JUMLAH</b>		<b>100%</b>	<p><b>PK 3.2</b>  <b>Para 5.4</b></p> <p><b>Surat Arahan</b>  <b>KPKR Bil 22/</b>  <b>2012:</b>  <b>Penyeragaman</b>  <b>Dokumen</b>  <b>Perjanjian Dan</b>  <b>Bayaran Bagi</b>  <b>Perkhidmatan</b>  <b>Perunding</b></p>
Bil	Peringkat Kemajuan Kajian	Peratus Pembayaran Dibenarkan																			
1	Laporan Awal/ <i>Inception</i>	10%																			
2	Laporan Kemajuan/Interim	40%																			
3	Draf Laporan Akhir	20%																			
4	Laporan Akhir	30%																			
<b>JUMLAH</b>		<b>100%</b>																			

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA****PROSEDUR KERJA  
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

<b>TAJUK : PERUNDING</b>		
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER <small>2019</small>		MUKA SURAT : 20/24

BIL	PERKARA	MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK	RUJUKAN
		<p>14. Pastikan <i>Tax Invoice</i> yang dicetak dari sistem perakaunan disertakan berserta dokumen sokongan yang menyokong amaun invois. Butir-butir di dalam invois hendaklah lengkap seperti berikut:</p> <p>14.1 Nama dan alamat perunding pada kontrak dengan <i>Tax Invoice</i> sama;</p> <p>14.2 Jumlah amaun dalam perkataan dan angka pada <i>Tax Invoice</i> adalah sama;</p> <p>14.3 <i>Tax Invoice</i> ditandatangani oleh wakil pihak perunding yang diberi kuasa;</p> <p>14.4 Tarikh <i>Tax Invoice</i> hendaklah terkemudian daripada tarikh Surat Niat, Surat Setuju Terima dan tarikh dokumen kontrak ditandatangani;</p> <p>14.5 <i>Tax Invoice</i> dan dokumen sokongan tuntutan hendaklah disemak dan diperakukan oleh Pegawai Yang Diberi Kuasa; dan/ atau</p> <p>14.6 Amaun bayaran setiap <i>Tax Invoice</i> dipantau melalui Borang Bayaran Berjadual (JANM 12) / Kad Status Bayaran / Lejar Perunding bagi memastikan jumlah bayaran terkumpul tidak melebihi amaun kontrak.</p> <p>14.7 <i>Tax invoice</i> tidak boleh dipinda.</p> <p>15. Sila pastikan lain-lain dokumen sokongan yang diakui sah salinan disertakan:</p> <p>15.1 Salinan Penyata Bank/ surat pengesahan akaun bank;</p> <p>15.2 Sijil Pendaftaran Perunding yang masih berkuatkuasa; dan</p> <p>15.3 Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan yang masih berkuatkuasa.</p> <p>16 Pastikan kod objek lanjut bertepatan dengan kerja yang telah dibekalkan/ disempurnakan.</p>	

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA****PROSEDUR KERJA  
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

<b>TAJUK : PERUNDING</b>		
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER <small>2019</small>		MUKA SURAT : 21/24

BIL	PERKARA	MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK	RUJUKAN
		<p><b>TAKRIF PERUNDING INDIVIDU:</b></p> <p>Perunding individu lazimnya ditakrifkan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Individu yang sedang berkhidmat dengan suatu firma dan/atau individu yang memberikan perkhidmatan secara <i>freelance</i>;</li><li>• Pegawai Kerajaan yang telah bersara dari perkhidmatan; atau</li><li>• Tenaga pengajar universiti (IPTA/IPTS) yang masih berkhidmat.</li></ul> <p>Semua perlantikan perunding individu sama ada tempatan atau asing secara lantikan terus oleh Agensi (<i>direct appointment</i>) bagi melaksanakan kajian bukan fizikal perlu dirujuk dan mendapat kelulusan prinsip oleh Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara terlebih dahulu.</p> <p>Pelantikan perunding secara individu tidak digalakkan, walau bagaimanapun adalah dibenarkan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>i. Hanya bagi Kajian Kerajaan atau yang memerlukan khidmat nasihat kepakaran individu tersebut bagi pelaksanaan kajian berkenaan sahaja;</li><li>ii. Kajian yang memerlukan kepakaran khusus yang tidak ditawarkan oleh firma sedia ada;</li><li>iii. Tempoh perkhidmatan perunding tidak melebihi 1 tahun;</li><li>iv. Kos perkhidmatan tidak melebihi RM500 ribu;</li><li>v. Boleh melebihi dari seorang perunding individu tertakluk jumlah kos perkhidmatan semua perunding individu tersebut tidak melebihi RM500 ribu dan tidak melebihi tempoh 1 tahun;</li><li>vi. Kaedah bayaran adalah secara Input Masa;</li></ol>	<p><b>PK 3.2 Para 19</b></p> <p><b>PK 3.1 Para 2.1</b></p>

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**  
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

<b>TAJUK : PERUNDING</b>		
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2019		MUKA SURAT : 22/24

BIL	PERKARA	MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK	RUJUKAN
		<p>vii. Kriteria pemilihan perunding individu tersebut boleh ditetapkan sendiri oleh JPP mengikut kesesuaian projek;</p> <p>viii. Faktor Pengganda bagi perunding individu tempatan adalah maksimum 1.6 dan perunding individu asing adalah maksimum 1.0; Pelantikan dan kos perunding individu hendaklah mendapat kelulusan LP ‘B’ manakala bagi perunding individu asing adalah LP ‘A’</p> <p>ix. Surat Setuju Terima hendaklah dikeluarkan kepada perunding individu tersebut sebelum sebarang arahan memulakan kerja dikeluarkan;</p> <p>x. Perjanjian dengan perunding individu tersebut hendaklah disediakan menggunakan format perjanjian piawai seperti di <b>PK 3.3</b> dan ditandatangani sebelum sebarang bayaran boleh dibuat;</p> <p>xi. Maklumat perolehan perunding individu hendaklah direkodkan di dalam sistem ePerunding; dan</p> <p>xii. Perunding individu yang dilantik adalah dikecualikan daripada berdaftar dengan Kementerian Kewangan</p> <p>Syarat tambahan bagi mendapatkan perkhidmatan tenaga pengajar IPTA/ IPTS yang masih berkhidmat:</p> <p>i. Memastikan pelantikan tenaga pengajar hendaklah dilaksanakan melalui Badan/Biro Perundingan Universiti yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan.</p> <p>Sekiranya IPTA/IPTS tidak mempunyai Badan/Biro Perundingan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan, pelantikan tenaga pengajar tersebut hendaklah dibuat melalui Bahagian Pentadbiran/Sumber Manusia Universiti berkenaan.</p>	

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**  
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

<b>TAJUK : PERUNDING</b>	
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2019	MUKA SURAT : 23/24

BIL	PERKARA	MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK	RUJUKAN
		<p><b><u>TAKRIF PERUNDING ASING:</u></b></p> <p>Perunding Asing di dalam perolehan perkhidmatan perunding Kerajaan boleh ditakrifkan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Firma di luar Negara yang dilantik secara <i>outsource</i> oleh firma tempatan/ dilantik terus oleh Agensi;</li> <li>• Individu Asing yang bekerja dengan firma di luar Negara yang dilantik secara <i>outsourcing</i> oleh firma tempatan/dilantik terus oleh Agensi;</li> <li>• Warga Tempatan yang bekerja dengan firma Asing di luar Negara yang dilantik secara <i>outsourcing</i> oleh firma tempatan/dilantik terus oleh Agensi; dan</li> <li>• Individu Asing yang tidak bermastautin di Malaysia dan bekerja dengan firma tempatan yang dilantik secara <i>outsourcing</i> oleh firma tempatan/dilantik terus oleh Agensi</li> </ul> <p>Perkhidmatan kepakaran/ perunding asing hanya boleh diperolehi jika tiada kepakaran tempatan dan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Penetapan yuran perunding adalah berdasarkan kaedah bayaran Input Masa berdasarkan <i>charge rate</i>.</p> <p>Kelulusan pelantikan dan kos perkhidmatan perunding asing yang telah diambil secara <i>outsourcing</i> oleh firma perunding tempatan adalah diperingkat PBM asal yang meluluskan perolehan projek/kajian berkenaan.</p> <p>Agensi hendaklah memastikan perunding asing dalam bidang arkitek, kejuruteraan dan ukur bahan berdaftar secara sementara dengan Lembaga/Badan profesional di Malaysia selaras dengan Akta Lembaga Profesional masing-masing.</p> <p>Agensi hendaklah melengkapkan borang tapisan keselamatan Majlis Keselamatan Negara di Jabatan Perdana Menteri bagi perunding asing yang akan dilantik dan menunggu sehingga kelulusan tapisan diperolehi sebelum membenarkan perunding berkenaan memulakan perkhidmatan.</p>	<b>PK 3.2</b> <b>Para 20</b>

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA****PROSEDUR KERJA  
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

<b>TAJUK : PERUNDING</b>		
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER <small>2019</small>		MUKA SURAT : 24/24

BIL	PERKARA	MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK	RUJUKAN
		<p>Firma asing yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) adalah diklasifikasikan sebagai firma perunding tempatan.</p> <p>Individu Asing yang bermastautin di Malaysia dan bekerja dengan firma tempatan adalah diklasifikasikan sebagai perunding tempatan.</p> <p>Warga Tempatan yang sedang bekerja dengan firma tempatan yang berpejabat di luar Negara adalah diklasifikasikan sebagai perunding tempatan.</p> <p>Perunding tempatan hendaklah diberi keutamaan di dalam perolehan Kerajaan bagi tujuan peningkatan keupayaan (<i>capacity building</i>), kawalan ke atas aliran keluar mata wang dan dasar keselamatan negara.</p> <p>Semua perolehan perkhidmatan firma perunding asing hendaklah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan terlebih dahulu.</p> <p>Pejabat pembayar hendaklah memastikan dokumen seperti berikut dikemukakan bagi membolehkan bayaran perunding diproses:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>i. Bil / invois yang telah diperakui (ditandatangani dan dicop oleh pegawai yang diberi kuasa);</li><li>ii. ringkasan perkiraan perakuan perunding;</li><li>iii. perakuan bayaran (rujuk Surat Arahan KPKR Bil.22/2012 – Lampiran E dan F);</li><li>iv. Salinan maklumat akaun bank yang diakui sah;</li><li>v. dua (2) Salinan MOA untuk bayaran kali pertama; dan</li><li>vi. sijil pendaftaran dengan Agensi yang masih berkuatkuasa.</li></ol>	<b>Lampiran 1</b>